



Untuk Terbitan Media

23 Januari 2025

## KENYATAAN PERKESO

### **LELAKI DIPERCAYAI TERJATUH DI WISMA PERKESO KUALA LUMPUR**

**KUALA LUMPUR** – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengesahkan berlaku satu insiden seorang lelaki dipercayai terjatuh dari tingkat lima Wisma PERKESO Kuala Lumpur pada petang ini dan telah dikejarkan ke hospital berhampiran untuk mendapatkan rawatan.

Hasil siasatan awal PERKESO mendapati individu tersebut merupakan pengunjung bangunan itu dan telah masuk ke kawasan parkir yang memang terbuka untuk orang awam.

PERKESO telah melakukan siasatan dalaman berhubung kes tersebut sejurus mendapat laporan berkaitan insiden berkenaan.

PERKESO juga telah melaporkan kes tersebut kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya dan bersedia berikan kerjasama sepenuhnya.

PERKESO ingin menegaskan bahawa kejadian ini adalah kejadian luar biasa dan kami akan terus memantau situasi ini dari semasa ke semasa.

**##TAMAT##**

## **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**23 Januari 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Ridauddin Daud**

**+6019-3265772**

**ridauddin.daud@perkeso.gov.my**